

Ikon kebudayaan baharu di Melaka

B/H 13.01.2018
M/S 30

➔ Projek mega mampu lonjak sektor hartanah negeri

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Projek Impression City yang dibangunkan di Kota Laksamana, Melaka dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM7 bilion dilihat mampu merencanakan lagi iklim sektor

hartanah di negeri itu.

Impression City ialah projek pembangunan hartanah pelancongan kebudayaan yang dibangunkan oleh Yong Tai Bhd berhampiran Selat Melaka membatikan kawasan seluas 55 hektar.

Apa yang lebih menarik mengenai projek terbabit ialah sebuah panggung teater berkelas antarabangsa dikenali sebagai Teater Encore Melaka: Impression Series turut dibina yang mana ia adalah projek yang pertama seumpamanya dibangunkan di luar China.

Panggung teater yang dijadualkan beroperasi pada Mei ini juga bakal menjadi satu lagi tanda mercu baharu di negeri itu selain mampu menjadi produk pelanco-

ngan yang unik.

Malah, ia juga adalah panggung teater pertama di Malaysia yang mana auditoriumnya boleh berpusing 360 darjah sewaktu persembahan berlangsung dan mampu memuatkan sehingga 2,000 penonton dalam satu masa.

Ubah landskap

Ketua Pegawai Eksekutif Yong Tai, Datuk Wira Boo Kuang Loon, berkata selain panggung teater, Impression City akan turut dilengkapi dengan hotel bertema teater, servis apartmen, pusat komersial, menara, pusat kebudayaan dan kesenian, kemudahan kesihatan dan pendidikan, pusat beli-belah serta kelab layar.

“Projek ini bakal mengubah landskap bandar raya di negeri ini kepada hab pelancongan antarabangsa dan hartanah yang dijangka siap dibina sepenuhnya dalam tempoh lapan hingga 10 tahun akan datang.

“Encore Melaka juga disenaraikan di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan serta disokong Kerajaan Pusat dan negeri ini,” katanya, baru-baru ini.

Bangunkan hotel, restoran

Mengulas lanjut Kuang Loon, berkata pihaknya akan membangunkan pelbagai kemudahan di sekitar Teater Encore Melaka menggunakan dana pembiayaan RM400

juta yang berjaya diraihnya.

Dana pembiayaan itu diraihi menerusi perjanjian induk (HOA) di antara YTBI dengan Kirin Financial Group Ltd, anak syarikat Kirin Group Holdings Ltd yang disenaraikan di Hong Kong.

Menerusi HOA itu, Kirin Financial Group akan melabur sekurang-kurangnya RM400 juta dalam projek pembangunan bercampur di Impression City, yang mana turut mengandungi Teater Encore Melaka.

“Dana pembiayaan ini akan digunakan bagi membangunkan antaranya hotel, restoran, pusat beli-belah dan kemudahan lain di sekitar Teater Encore Melaka untuk kemudahan pelancong atau penonton,” katanya.

Fakta
nombor

RM7 BILION
nilai GDV projek

RM400 JUTA
nilai pembangunan
bercampur

